

JABATAN PERDANA MENTERI  
KUALA LUMPUR

Telefon: 2301957

KAWAT: PERDANA

Ruj. Kami: PM.11880/A/8/3

Tarikh : 24 Oktober 1985

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.  
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 3 TAHUN 1985Hubungan Dengan Perwakilan Asing di Malaysia1. Tujuan

1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai peraturan yang perlu diamalkan apabila mengadakan hubungan dengan Pejabat Perwakilan Asing di Malaysia dan mengenai peranan Kementerian Luar Negeri dalam hal ini.

2. Pendekatan Awal

2.1. Mengikut peraturan yang ditentukan, apa-apa pendekatan awal kepada mana-mana kerajaan asing mengenai sesuatu perkara, sama ada cadangan untuk melakukan lawatan, merundingkan sesuatu perjanjian, mendapatkan maklumat-maklumat atau persetujuan dan sebagainya, hendaklah disalurkan melalui Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri kemudiannya akan menghubungi kerajaan asing yang berkenaan melalui pejabat Perwakilannya di Malaysia ataupun melalui pejabat Perwakilan Malaysia di negara yang berkenaan. Sekiranya

kedua-dua buah negara tidak mempunyai pejabat Perwakilan di ibu negara masing-masing, Kementerian Luar Negeri akan menghubungi Ketua Perwakilan negara yang berkenaan yang ditauliahkan ke Malaysia dari ibu negara lain atau melalui ibu negara asing yang mempunyai Perwakilan dari Malaysia dan negara yang berkenaan. Amalan ini merupakan kelaziman dalam perhubungan antarabangsa.


### 3. Tindakan Susulan

3.1. Setelah pendekatan awal disalurkan secara rasmi melalui Kementerian Luar Negeri, Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri berkenaan, jika perlu, boleh berhubung secara langsung dengan pejabat-pejabat Perwakilan Asing di Malaysia untuk tindakan susulan seterusnya. Namun demikian, Kementerian Luar Negeri hendaklah dimaklumkan akan setiap peringkat perkembangan selanjutnya, sama ada melalui kehadiran wakil Kementerian Luar Negeri dalam rundingan/perbincangan yang diadakan atau melalui salinan surat-menyurat mengenai perkara berkenaan.

3.2. Dalam melaksanakan tindakan susulan, Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri mungkin perlu berunding/berbincang dengan pegawai-pegawai daripada pejabat-pejabat Perwakilan Asing yang berkenaan. Tanpa mengira sama ada inisiatif untuk mengadakan rundingan/perbincangan itu berpunca daripada Kementerian/Pentadbiran Negeri mahupun daripada pejabat Perwakilan-perwakilan Asing yang berkenaan, rundingan/perbincangan yang diaturkan hendaklah diadakan di Kementerian/Ibu Pejabat Pentadbiran Negeri yang berkenaan, tidak di pejabat-pejabat Perwakilan Asing. Peraturan ini adalah selaras dengan amalan diplomasi.

4. Peranan Kementerian Luar Negeri

4.1. Penggunaan Kementerian Luar Negeri sebagai saluran perhubungan rasmi, selain daripada menepati peraturan di perenggan 3.1. boleh juga membantu Kementerian Luar Negeri mengikuti segala perkembangan hubungan dua hala atau sebagainya secara menyeluruh, dan memastikan bahawa perkembangan hubungan ini berteraskan landasan dasar luar negara Malaysia, sesuai dengan peranan Kementerian Luar Negeri sebagai agensi Kerajaan yang mengawasi hubungan antarabangsa negara.




( TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED )  
Ketua Setiausaha Negara

s.k.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

C O P Y



LAMPIRAN II

KLN 19/78

The Ministry of Foreign Affairs presents its compliments to all High Commissions and Embassies and has the honour to inform the latter that all requests for appointments with Malaysian Ministers, Deputy Ministers and State Authorities by Heads of Diplomatic Mission should be made in writing to the Protocol Division of the Ministry of Foreign Affairs. In exceptional cases where immediate appointments are deemed necessary, Missions can contact the Protocol Division (Telephone No: 483710 or 488088 Extension 217) to convey such requests followed by its official note.

The Ministry has the further honour to advise all High Commissions and Embassies not to communicate directly with offices of the Ministers, Deputy Ministers or State Authorities concerned to finalise appointments for their Heads of Diplomatic Mission. At the same time, all Malaysian Ministries and State Governments have been advised not to accept direct requests from High Commissions and Embassies for such appointments.

The Ministry of Foreign Affairs will arrange for the requested appointments and will convey the decisions to Missions immediately on receipt from the various Ministers, Deputy Ministers and State Government's Offices concerned.

The Ministry of Foreign Affairs avails itself of this opportunity to renew to all High Commissions and Embassies the assurances of its highest consideration.

7 November, 1978.

KUALA LUMPUR.

KLN 6/87

The Ministry of Foreign Affairs presents its compliments to all High Commissions and Embassies and with reference to the former's Note KLN 19/78 dated 7 November, 1978, has the honour to draw the latter's kind attention to the procedure as contained in the Note mentioned therein and to remind that it is still currently in force. A copy of this Note is attached for easy reference.

In this regard, the Ministry would like to obtain the kind cooperation of all High Commissions and Embassies in observing and complying to the spirit and requirement of the Note and to ensure that in future all requests for appointments with Malaysian dignitaries/officials will be channelled through the Protocol Division of Wisma Putra.

The Ministry of Foreign Affairs avails itself of this opportunity to renew to all High Commissions and Embassies the assurances of its highest consideration.

6 March, 1987.

KUALA LUMPUR.